

KRONOLOGI KEHILANGAN MH370 PADA 8 MARCH 2014

BH
30/1/2015
MLS 8

1 Kronologi

12.41 pagi

Pesawat MH370 bersama 239 penumpang dan 12 kru, berlepas dari KLIA.

2


1.30 pagi

MH370 dipercayai berpatah balik.

3 9 Mac

2.15 pagi

Radar tentera mengesan MH370 di barat laut Pulau Pinang di utara selat Melaka, ratusan kilometer dari lokasi terakhirnya.



4

8.11 pagi

Isyarat terakhir MH370 dikesan INMARSAT, selepas tujuh jam 31 minit pesawat itu berlepas di selatan Lautan Hindi.

5

Kawasan pencarian terkini merangkumi 60,000 kilometer persegi di selatan Lautan Hindi

Lokasi pencarian

Lokasi isyarat berbalas dibuat oleh MH370 dengan satelit Inmarsat

2, 260 km

Australia

Perth

Deen : Grafik BH

MH370 KEKAL MISTERI TERBESAR DUNIA

» Pelbagai persoalan belum dirungkai akibat masih tiada sebarang petunjuk ditemui

► Kuala Lumpur

Kehilangan pesawat MH370 akan terus menjadi misteri terbesar dalam sejarah penerbangan dunia.

Sehingga kini, tiada sebarang petunjuk ditemui dan pelbagai persoalan terus diungkapkan.

Antaranya, apa sebenarnya yang terjadi, di manakah pesawat itu, bagaimanakah nasib anak kapal dan penumpang, adakah lokasi pencarian itu tepat dan sampai bilakah

operasi mencari perlu dilakukan.

Malah ada juga yang bertanya, apa tindakan seterusnya apabila pesawat diisytihar hilang, adakah solat ghaib boleh dilakukan, bagaimana dengan pampasan kepada waris keluarga dan siapa yang akan menanggung kos keseluruhan operasi?

Perbandingan pencarian

Pakar penerbangan, Kapten Abdul Rahmat Omar Mohd Haniff berkata saiz pesawat B777 adalah sekitar

4,500 meter persegi, sementara luas kawasan pencarian adalah sekitar 59,600 kilometer persegi.

"Ini bermakna saiz pesawat hanyalah 0.078 peratus keluasan kawasan pencarian. Sedangkan pesawat QZ8501 AirAsia Indonesia jatuh pada kedalaman hanya 30 meter iaitu 0.5 peratus kedalaman pesawat MH370.

"Itu pun telah mengambil masa dua minggu untuk menjumpai bahagian ekor pesawat QZ8501 dengan banyak petunjuk seperti serpihan

dan mayat yang terapung," katanya membandingkan operasi mencari MH370 dengan QZ8501.

Senada dengan Abdul Rahmat adalah Kapten Dr Mohd Harridon Mohamed Suffian yang berpendapat lokasi pencarian adalah tepat kerana ia berdasarkan isyarat 'ping' yang berasal dari pesawat MH370.

"Lokasi di selatan Lautan Hindi adalah berdasarkan satelit Inmarsat dan dikukuhkan lagi oleh radar yang mengatakan pesawat MH370 bergerak ke Laut Andaman.